

Newspaper : **The Edge Market**Date : **29<sup>th</sup> April 2020****Bina Puri Holdings Bhd**Title : **Bina Puri teams up with Key Alliance to develop BIS for construction sector**

(207184-X)

Section : **Online** Page : -<https://www.theedgemarkets.com/article/bina-puri-teams-key-alliance-develop-bis-construction-sector>

## ***Bina Puri teams up with Key Alliance to develop BIS for construction sector***

Arjuna Chandran Shankar / theedgemarkets.com

April 29, 2020 21:07 pm +08



KUALA LUMPUR (April 29): Bina Puri Holdings Bhd has teamed up with Key Alliance Group Bhd to develop building information systems (BIS) for companies in the construction sector.

Bina Puri said it will provide “our expertise and knowledge in the construction sector and our actual worksites to help develop the BIS” under an agreement it signed with Key Alliance’s subsidiary Progenet Innovations Sdn Bhd,

The collaboration is in line with its move towards adoption of technology, added Bina Puri in a filing with Bursa Malaysia.

“With the current environment and our reliance on foreign workers for construction, too much human capital is spent on the entire process, where really there should be solutions to automate and streamline the resources,” Bina Puri executive director Datuk Matthew Tee said in a separate statement.

Key Alliance, meanwhile, noted that Malaysia is lagging behind in the use of BIS, whose need “is glaring, especially in the preparation for resumption of work post-Movement Control Order”.

“With technology, sensors and the right Internet of Things (IoT) platforms, construction companies can improve their foreign worker tracking, crowd control, work order scheduling and logistics,” said Key Alliance managing director Roy Ho.

Shares in Bina Puri closed 0.5 sen or 8.33% higher at 6.5 sen today, giving the group a market capitalisation of RM49.67 million.

Key Alliance rose 1.5 sen or 18.75% to 9.5 sen, valuing the ICT group at RM60.43 million.

## BINA PURI MEDIA CLIPPINGS

Newspaper : **Malaysia Gazette**

Date : **30<sup>th</sup> April 2020**

Title : **Bina Puri, Key Alliance Group bangunkan perisian BIS**

Section : **Online** Page : -



**Bina Puri Holdings Bhd**

(207184-X)

<https://malaysiagazette.com/2020/04/30/bina-puri-key-alliance-group-bangunkan-perisian-bis/>

### ***Bina Puri, Key Alliance Group bangunkan perisian BIS***

By Wartawan MalaysiaGazette - 30 April 2020



*Datuk Matthew Teee*

KUALA LUMPUR- Bina Puri Holdings Bhd, sebuah syarikat senaraian awam di papan utama Bursa Malaysia semalam telah memeterai perjanjian kolaborasi untuk membangunkan satu perisian khas berdasarkan Sistem Maklumat Bangunan (BIS) bagi mengendalikan operasi pembinaan syarikat tersebut.

Kerjasama itu dilakukan bersama Progenet Innovations Sdn Bhd, sebuah syarikat milik penuh Key Alliance Group.

Perisian itu akan menggerakkan operasi pembinaan secara digital, meningkatkan perkongsian maklumat projek dan data penyelidikan serta membantu meningkatkan kecekapan dan kebertanggungjawaban di setiap tapak projek.

Dalam suasana ekonomi digital masa kini, adalah menjadi keperluan utama bagi Kumpulan Bina Puri untuk mengambil langkah pembaharuan dalam menjalankan aktiviti pembinaan berbanding sistem tradisional berasaskan batu bata dan mortar.

Sistem Maklumat Bangunan (BIS) ini adalah komponen yang semakin penting dalam proses pembinaan, yang dapat membantu meningkatkan pertanggungjawaban dan kecekapan dalam reka bentuk, pembinaan dan pengurusan bangunan serta tenaga kerja sesuatu projek.

“Dengan keadaan semasa dan pergantungan kita kepada pekerja asing dalam industri pembinaan, terlalu banyak modal perlu diperuntukkan bagi mengawal selia tenaga kerja di tapak projek, di mana semestinya ada penyelesaian untuk menambahbaik dan memperkemaskan sumber-sumber ini secara automatik,” kata Pengarah Eksekutif Kumpulan Bina Puri Holdings Bhd, Datuk Matthew Tee.

Ujar beliau, kedua-dua pihak akan memanfaatkan sistem perisian BIS ini di mana mereka mempunyai kepakaran teknikal bagi membangunkan perisian tersebut, manakala bagi Bina Puri memerlukan suatu mekanisma yang boleh memudahkan kawal selia kerja di tapak binaan.

“Kami sangat teruja untuk bekerjasama dengan Key Alliance Group yang mempunyai kepakaran dalam bidang teknologi maklumat termasuk pengkomputeran awam seperti menyimpan data di awan (cloud computing), perniagaan secara digital dan Internet Pelbagai Benda (IPB) atau ‘IoT’,” katanya lagi.

Dengan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang berkuatkuasa ketika ini, Kumpulan Bina Puri perlu mengambil langkah segera untuk meningkatkan keupayaan melaksanakan projek pembinaan secara sistematik, mengawal selia semua sumber kerja secara berpusat dengan menggunakan sistem integrasi maklumat secara digital serta menyusun jadual kerja pembinaan dan proses pengurusan semula selepas PKP ini.

Dengan pembangunan perisian ini juga, ia dapat membina aliran pendapatan yang baharu dengan cara mempertingkatkan sistem pengurusan bangunan dan menyediakan aplikasi digital bagi pengurusan tapak projek dan tenaga kerja yang dinamik.

Kumpulan Bina Puri terus menerus aktif dalam aktiviti pembidaan sama ada bagi projek dalam negeri mahupun diluar negara, dan akan membuat pengumuman dari masa ke semasa.- MalaysiaGazette